

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN / BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN NO. 225**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sama ada koperasi akan diiktiraf sebagai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) supaya menerima bantuan (seperti pembiayaan dan pinjaman) yang setimpalnya.

**JAWAPAN**

1. Secara amnya, koperasi tidak disamakan dengan PKS kerana kedua-duanya tertakluk kepada perundangan yang berbeza dengan regulator yang berlainan serta mempunyai definisi yang berbeza. Sekumpulan PKS boleh menubuhkan koperasi bagi mendapat ekonomi berskala (*economy of scale*) dalam pengeluaran produk mereka serta menyokong capaian kepada sumber, kewangan dan teknologi yang lebih luas. Oleh itu, koperasi merupakan salah satu platform atau *enabler* bagi meningkatkan pembangunan dan daya saing PKS.
2. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sedang dalam proses membuat kajian semula pindaan Akta Koperasi 1993, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) 2007 dan Akta Institut Koperasi Malaysia bagi memastikan koperasi juga mendapat manfaat sepertimana PKS agar lebih berdaya saing dan berdaya maju dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
3. Pindaan juga akan melibatkan perkara-perkara dasar yang menyentuh aspek memudahkan penubuhan koperasi, memperkenalkan perundangan sendiri (*self-regulatory*) serta memberi lebih banyak *empowerment* kepada gerakan koperasi untuk memajukan koperasi mereka tanpa berkompromi dengan salah tadbir urus dan isu integriti.
4. Kajian semula Akta-Akta tersebut telah disambung semula oleh MED bermula November 2018 dengan mengambil kira proses konsultasi

yang lebih menyeluruh dengan pihak-pihak berkepentingan. Cadangan pindaan boleh didapati di laman web MED dan sebarang maklum balas sedang dikumpulkan. Dijangkakan bahawa kajian semula Akta Koperasi, Akta SKM dan Akta MKM dapat dimuktamadkan pada penghujung 2019.

5. Kerajaan juga sedar tentang potensi koperasi sebagai pemangkin ekonomi dan pemacu kepada keusahawanan sosial terutamanya kepada PKS serta peranannya bagi meningkatkan keusahawanan dalam kalangan B40. Ini adalah bertepatan dengan strategi yang digariskan dalam Rangka Kerja Keusahawanan Negara (NEF) yang dilancarkan oleh pihak Kementerian pada bulan November tahun lepas.

6. Bagi merealisasikan koperasi sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, MED dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa mengambil inisiatif untuk melibatkan koperasi di dalam semua program usahawan dan PKS.

7. Melalui program-program yang dilaksanakan seperti Konvensyen Usahawan Bumiputra (KUB), Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Seminar Pasaran Saham (SPS) dan Ekspo Halal Malaysia 2019, pihak koperasi telah mengambil bahagian sebagai peserta dan pempamer seiring dengan penyertaan PKS dan usahawan lain. Ini dapat mewujudkan *networking* dan lebih banyak peluang perniagaan kepada gerakan koperasi.

8. Selain itu, koperasi-koperasi di Malaysia mempunyai program dan dana khusus yang diselenggarakan di pihak SKM seperti Geran Bantuan Pembangunan, Pembiayaan Tabung Modal Pusingan dan Kumpulan Wang Amanah Koperasi bagi Pembangunan dan Pendidikan. Pada tahun 2018, sejumlah RM5,159,500 telah diberikan dalam bentuk Geran Bantuan Perniagaan kepada 120 buah koperasi manakala sebanyak RM78,961,000 telah diluluskan melalui pembiayaan Tabung Modal Pusingan yang melibatkan 49 buah koperasi.

9. Kita juga mempunyai 2 buah bank koperasi yang boleh membantu koperasi daripada segi bantuan kewangan iaitu Bank Rakyat dan Coop Bank Pertama. Setakat ini, Bank Rakyat telah meluluskan pembiayaan sejumlah RM952.01 juta kepada gerakan koperasi sepanjang tahun 2018.

Sekian, terima kasih.